

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

BERITA HARIAN, JUMAAT, 9 OKTOBER, 1981

Menteri Luar India akan lawat Malaysia dua hari

KUALA LUMPUR, Khamis — Menteri Luar India, Encik P.V.Narasimha Rao akan melakukan lawatan rasmi dua hari mulai esok dalam usaha Kerajaannya meredakan ketegangan dengan negara-negara ASEAN berikutan tindakan India mengiktiraf rejim Heng Samrin tahun lalu.

Kedutaan India di sini berkata, Encik Rao akan mengunjungi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr.

Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Musa Hitam.

Lawatan tersebut difahamkan antara beberapa usaha Kerajaan Puan Indira Gandhi meredakan ketegangan antara negaranya dengan negara-negara ASEAN.

Inilah lawatan rasmi Menteri Luar kerajaan asing yang pertama selepas Datuk Seri Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri.

Encik Rao dijadual melawat Singapura dan Bangkok bagi menerangkan sikap Kerajaannya, tetapi lawatan tersebut dibatalkan kerana kesibukan di negara-negara tersebut.

Kerajaan India juga bercadang menghantar wakil melawat kelima negara ASEAN. Puan Gandhi sendiri melawat Jakarta dan Manila baru-baru ini.